



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

KAJIAN TEMPATAN

TAHUN 5



Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN

TAHUN 5



Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

ISBN

KANDUNGAN

RUKUN NEGARA

v

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

vii

KATA PENGANTAR

ix

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN

Pendahuluan			1
Matlamat dan objektif			2
Organisasi kurikulum			3
Kurikulum Kajian Tempatan Tahun 5			13
Objektif Kurikulum Kajian Tempatan Tahun 5			14
Topik	5	: Mengenal Negara Kita	17
Topik	6	: Keindahan Negara Kita	33
Topik	7	: Sejarah Negara Kita	43
Topik	8	: Masyarakat Malaysia	75

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA

Mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut:-

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap akan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Kajian Tempatan merupakan mata pelajaran pendukung utama pemupukan semangat patriotik yang mengkaji interaksi manusia dengan manusia dan manusia dengan alam persekitarannya. Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, guru perlu menyepadukan pelbagai pendekatan disiplin dan pengetahuan sivik, kemahiran berfikir, nilai serta aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah. Dengan itu, pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh adalah lebih bermakna serta murid lebih peka kepada keharmonian hidup bersama.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini banyak pihak terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED ZIN

Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Mata Pelajaran Kajian Tempatan Sekolah Rendah yang terangkum dalam bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan bertujuan membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu, hidup dalam masyarakat yang mempunyai nilai moral dan etika yang utuh, mengamalkan demokrasi, penyayang, progresif, sejahtera dan bersemangat patriotik.

Selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Mata Pelajaran Kajian Tempatan ini dapat melahirkan insan yang berilmu dan beramal, harmonis serta berketerampilan.

Mata Pelajaran Kajian Tempatan diajar di Tahap II mulai Tahun 4 hingga Tahun 6. Mata pelajaran ini dirancang untuk menjadi saluran utama bagi murid memperoleh pengetahuan, pemahaman asas serta pengalaman hidup yang seimbang dan harmonis sesama manusia dan antara manusia dengan alam persekitarannya. Interaksi ini mewujudkan pelbagai cara hidup masyarakat Malaysia dan memperlihatkan bagaimana mereka berusaha untuk mencapai kesejahteraan hidup. Mata pelajaran ini juga menjadi pendukung utama bagi memupuk semangat patriotik di kalangan murid.

Kandungan mata pelajaran ini diolah mengikut tiga ruang liput seperti berikut:

Pertama : Keluarga, rumah , jiran dan sekolah.

Kedua : Kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri.

Ketiga : Negara kita.

Kajian menerusi ruang liput dapat memberikan pengetahuan dan pemahaman kepada murid tentang persekitarannya yang dekat sebelum menjangkau ke kawasan yang lebih jauh.

Setiap ruang liput terdiri daripada beberapa topik untuk memberi tumpuan kepada aspek-aspek yang perlu dipelajari murid. Setiap topik mengandungi subtopik-subtopik yang menentukan skop kajian. Topik-topik dibahagikan kepada Tahun 4, 5 dan 6 seperti berikut:

Tahun 4 - Topik 1 hingga 4

Tahun 5 - Topik 5 hingga 8

Tahun 6 - Topik 9 hingga 12

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

MATLAMAT

Mata Pelajaran Kajian Tempatan bertujuan melahirkan murid yang setia pada negara, cinta akan tanah air, prihatin dan berbangga sebagai rakyat Malaysia serta boleh berinteraksi secara berkesan ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmonis, bersatu padu, demokratik, progresif dan sentiasa mensyukuri nikmat Tuhan.

OBJEKTIF

Kurikulum Kajian Tempatan Sekolah Rendah membolehkan murid:

1. mengetahui dan memahami peranan, tanggungjawab dan hak sebagai anggota dalam keluarga dan masyarakat ;
2. memahami dan menghargai keadaan fizikal setempat dan negara;
3. mengenali dan memahami ciri-ciri masyarakat setempat dan negara;
4. memahami dan menyedari perkembangan dan perubahan masyarakat setempat dan negara;
5. mencintai dan menghargai alam sekitar;
6. mengenali tokoh-tokoh dan menghargai sumbangan mereka dalam memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan;
7. memahami dan menghargai sejarah negara;
8. menguasai kemahiran belajar, kemahiran sosial dan kemahiran berfikir;
9. menghargai keperibadian bangsa dan mempunyai semangat patriotik; dan
10. mensyukuri segala nikmat Tuhan.

ORGANISASI KURIKULUM

Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan ini mengandungi program pembelajaran untuk tiga tahun mulai Tahun 4 hingga Tahun 6. Kandungan mata pelajaran ini diolah mengikut tiga ruang liput seperti yang berikut :

RUANG LIPUT	KANDUNGAN
Pertama	Keluarga, rumah, jiran dan sekolah.
Kedua	Kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri.
Ketiga	Negara kita.

Kajian menerusi ruang liput ini dapat memberi pengetahuan dan pemahaman kepada murid tentang

persekitarannya yang dekat sebelum menjangkau ke kawasan yang lebih jauh.

Ruang liput pertama iaitu **keluarga, rumah, jiran dan sekolah** menekankan interaksi murid dengan keluarga dan masyarakat serta amalan nilai-nilai hidup berjiran dan bermasyarakat.

Ruang liput kedua menyedarkan murid tentang identiti dan keistimewaan **kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/ jajahan, bahagian dan negeri** supaya mereka cinta dan bangga dengan persekitaran dan negeri mereka.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

Ruang liput ketiga pula memberi pendedahan kepada murid tentang **sejarah, keadaan sosial, ekonomi dan kejayaan negara**. Ini akan menimbulkan kesedaran kepada murid tentang usaha pembinaan bangsa dan negara Malaysia. Pengalaman pembelajaran yang diperoleh melalui ruang liput tersebut dapat membentuk warganegara yang bersemangat patriotik dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Setiap ruang liput dibahagikan kepada beberapa topik atau bidang pembelajaran untuk memberi tumpuan kepada aspek-aspek yang perlu dikaji oleh murid. Setiap topik mengandungi subtopik-subtopik yang menentukan skop kajian. Topik-topik dibahagikan kepada Tahun 4, 5 dan 6 seperti yang berikut :

Tahun 4 - Topik 1 hingga 4

Tahun 5 - Topik 5 hingga 8


Tahun 6 - Topik 9 hingga 12

Topik 1 hingga 4 untuk Tahun 4 bertujuan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran murid bagi memahami dan menghargai perihal setempat yang merangkumi ruang liput keluarga, rumah, jiran, sekolah, kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri. Melalui Topik 5 hingga 8, murid Tahun 5 diperkenalkan pula tentang latar belakang dan identiti negaranya supaya mereka cinta dan bangga kepada negara. Seterusnya melalui Topik 9 hingga 12, murid Tahun 6 dapat menghargai keperibadian bangsa dan mempunyai semangat patriotik ke arah pembinaan bangsa dan negara.

BIDANG PEMBELAJARAN

TAHUN	TOPIK	TOPIK	TOPIK	TOPIK
TAHUN 4	RUMAH DAN KELUARGA	KEJIRANAN	SEKOLAH KITA	PERIHAL SETEMPAT
TAHUN 5	MENGENAL NEGARA KITA	KEINDAHAN NEGARA KITA	SEJARAH NEGARA KITA	MASYARAKAT MALAYSIA
TAHUN 6	SUMBER NEGARA	EKONOMI NEGARA	PEMBINAAN BANGSA DAN NEGARA	KEJAYAAN DAN KEBANGGAAN NEGARA

URUTAN BIDANG PEMBELAJARAN



Bagi merancang dan melaksanakan mata pelajaran ini dengan berkesan di sekolah, guru perlulah mengetahui dan memahami matlamat, objektif, organisasi kandungan dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Sekolah Rendah. Untuk meningkatkan pemahaman guru dan pihak-pihak yang mempunyai peranan dalam aktiviti latihan dan penyebaran maklumat tentang kandungan sukatan pelajaran tersebut, Huraian Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Tahun 4,5 dan 6 disediakan.

Tujuan Huraian Sukatan Pelajaran ini disediakan adalah untuk membantu guru:

- i. mentafsir dan memahami Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Sekolah Rendah dengan tepat;
- ii. mengetahui skop, ruang liput dan bidang kajian mata pelajaran ini;
- iii. menentukan objektif am, objektif khusus dan hasil pembelajaran untuk merancang pelajaran;
- iv. menyediakan rancangan pelajaran yang sistematis; dan
- v. melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

Huraian Sukatan Pelajaran dipersembahkan dalam empat lajur iaitu **Topik/Subtopik**, **Hasil Pembelajaran**, **Unsur Patriotisme** dan **Contoh Aktiviti**. Setiap lajur tersebut mengandungi maklumat yang perlu diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam lajur **Topik/Subtopik**, disenaraikan topik utama dan subtopik-subtopik kepada topik utama tersebut. Bagi setiap subtopik, disenaraikan tajuk-tajuk kecil. Topik utama, subtopik dan tajuk-tajuk kecil bagi subtopik ialah kandungan Sukatan Pelajaran. Bagi setiap tajuk kecil pula tercatat perincian huraian. Kedalaman dan keluasan skop sesuatu topik itu ditentukan oleh subtopik, tajuk kecil dan perincian huraian tajuk kecil.

Dalam persediaan pengajaran dan pembelajaran mingguan dan harian, guru bolehlah memilih satu tajuk kecil atau rangkuman beberapa tajuk kecil sebagai isi pelajaran mengikut kesesuaian, kesediaan dan keupayaan murid.

Dalam lajur **Hasil Pembelajaran**, segala kemahiran dan pengalaman pembelajaran yang perlu dikuasai murid disenaraikan. Penyataan hasil pembelajaran diolah secara khusus supaya mudah diukur dengan tepat tentang apa yang boleh dimanifestasikan murid berhubung dengan pengetahuan dan pengalaman pembelajaran mereka.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

Hasil pembelajaran disenaraikan mengikut urutan kesukaran dan merangkumi bidang kognitif, afektif dan psikomotor.

Dalam lajur **Unsur Patriotisme** pula, disenaraikan nilai mumi masyarakat dan semangat patriotik yang ingin dipupuk. Aspek ini amat penting disepadukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana melaluinya murid akan dapat menghayati mesej yang disampaikan. Pemupukan unsur patriotisme ini boleh dilakukan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara terancang. Pernyataan semangat patriotik ini disenaraikan selaras dengan isi kandungan dalam lajur **Topik / Subtopik** dan **Hasil Pembelajaran**.

Untuk memastikan murid mengetahui, memahami dan menguasai pelbagai kemahiran, lajur **Contoh Aktiviti** disediakan. Berpandukan contoh aktiviti tersebut, guru dapat mengelolakan pelajaran dengan lebih berkesan.

Contoh yang disediakan adalah berbentuk kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid.

Contoh :

- i. Murid **menyenaraikan**.....
- ii. Murid **melakarkan peta**.....
- iii. Murid **mencatat**.....

Selain daripada aktiviti yang dicadangkan, guru bolehlah menjalankan aktiviti pembelajaran lain yang sesuai dengan murid. Aktiviti yang dirancang perlu mengambil kira perkara-perkara yang berikut:

- i. Menepati objektif dan isi pelajaran.
- ii. Mengikut kebolehan mental dan fizikal murid.
- iii. Bersesuaian dengan bakat, minat dan emosi murid.
- iv. Menggalakkan mereka berfikir, membuat kajian, mencatat atau merekod, berbincang dan membuat rumusan.
- v. Menggalakkan murid berusaha belajar sendiri dengan arahan dan panduan guru yang minimum.
- vi. Menggalakkan interaksi sesama murid dan murid dengan persekitarannya.
- vii. Menggalakkan murid menghasilkan tugas dalam pelbagai bentuk.
- viii. Menggalakkan murid bekerja secara kumpulan.

Dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu topik, guru perlulah merujuk kepada setiap ruang dalam Huraian Sukatan Pelajaran untuk memahami tumpuan, kedalaman dan keluasan sesuatu topik dan subtopik serta kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid. Guru bolehlah menambah maklumat lain yang dirasakan perlu bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Dalam usaha ke arah mencapai matlamat Mata Pelajaran Kajian Tempatan, perkara yang berikut perlu diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

i. Pendekatan Bersepadu

Pendekatan bersepadu ialah satu strategi yang berkesan untuk menjalin dan mengadun unsur pengetahuan, kemahiran dan pemupukan patriotisme. Oleh itu, dalam pengajaran dan pembelajaran Kajian Tempatan yang membicarakan interaksi sesama manusia dan persekitarannya, penekanan perlu diberikan terhadap pemerolehan pengetahuan, perkembangan kemahiran dan pemupukan semangat patriotik.

Melalui pendekatan bersepadu, penekanan juga perlu diberikan terhadap penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi dan bahasa ilmu. Di samping itu, pengetahuan dan kemahiran daripada mata pelajaran lain serta

pengalaman hidup seharian murid perlu dihubungkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

ii. Pemahaman Idea dan Konsep

Mata Pelajaran Kajian Tempatan mempunyai idea dan konsep yang khusus. Pemahaman dan penghayatan idea dan konsep amat penting supaya pengetahuan yang diperoleh berguna dalam kehidupan seharian.

iii. Pemupukan Patriotisme

Mata Pelajaran Kajian Tempatan adalah pendukung utama pemupukan semangat patriotik di sekolah rendah. Dalam pengajaran dan pembelajaran, penekanan perlu dibuat supaya murid dapat menyayangi keluarga, jiran dan persekitaran serta menghormati masyarakat, patuh kepada pemimpin dan taat kepada raja; dan seterusnya sentiasa mendaulatkan undang-undang. Pengalaman pembelajaran ini akan membentuk murid yang setia kepada negara dan bangga sebagai rakyat Malaysia.

iv. Peningkatan Kemahiran Belajar, Kemahiran Sosial dan Kemahiran Berfikir.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penekanan perlu diberikan kepada perkembangan kemahiran belajar, kemahiran sosial dan kemahiran berfikir. Dalam kemahiran belajar, beberapa proses perlu dilalui oleh murid iaitu mengumpul dan mengelas maklumat, mentafsir, menganalisis, mensintesis dan mengaplikasi. Penguasaan kemahiran sosial seperti kemahiran berinteraksi dalam kelas, dalam kumpulan dan dalam masyarakat juga diutamakan. Kemahiran belajar, kemahiran sosial dan kemahiran berfikir sentiasa berkait rapat dalam melaksanakan sesuatu tugas. Kemantapan murid membuat rumusan dan usaha mengatasi sesuatu masalah banyak bergantung kepada keupayaan dan cara mereka berfikir. Oleh itu, murid perlu dibimbing dan digalakkan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.

v. Penggunaan Pelbagai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Untuk mengembangkan lagi potensi serta meningkatkan keupayaan dan kebolehan murid secara menyeluruh dan seimbang, murid

perlu melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bagi Mata Pelajaran Kajian Tempatan, **pelbagai kaedah boleh digunakan**. Salah satu daripada kaedah yang boleh digunakan ialah kaedah **inkuiri penemuan**.

Kaedah inkuiri penemuan sesuai digunakan kerana melalui kaedah ini, murid memperoleh pengetahuan dan menguasai kemahiran dengan daya usaha mereka sendiri. Murid mencari dan mengumpul maklumat melalui berbagai-bagai aktiviti. Dengan itu, pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh adalah lebih bermakna dan berkesan..

Kaedah ini juga dapat mengembangkan kemahiran berfikir dan naluri ingin tahu di kalangan murid. Dalam menjalankan proses inkuiri penemuan, murid akan lebih peka kepada keadaan masyarakat dan persekitarannya.

Kaedah inkuiri penemuan adalah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusat kepada murid. Murid memainkan peranan penting dalam merancang dan menjalankan aktiviti pembelajarannya. Mereka melibatkan diri secara aktif dalam mencari dan mengumpul maklumat melalui berbagai-bagai aktiviti seperti memerhati, mendengar, menyoal, berbincang, membuat rujukan, membuat

ulang kaji dan membuat kaji selidik. Aktiviti ini boleh dijalankan secara bersendirian atau kumpulan. Aktiviti tersebut merupakan kemahiran penting dalam tugasan yang lebih menyeluruh seperti kerja projek, kajian kes, simulasi, lawatan, main peranan dan kuiz.

Mengikut kaedah ini, guru bertindak sebagai pembimbing dan penggalak untuk merangsang murid menjadi lebih yakin dan berminat dalam menjalankan aktiviti pembelajarannya.

Pada amnya, kaedah inkuiri penemuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ada lima peringkat. Pada setiap peringkat, murid terlibat secara aktif dalam:

- a. mengenal pasti perkara yang hendak dikaji melalui soal jawab dan perbincangan;
- b. menentukan cara untuk mengatasi masalah yang dikenal pasti dengan bersoal jawab dan berbincang;
- c. mengumpul maklumat melalui berbagai-bagai cara seperti bersoal jawab, mencerap, membuat uji kaji dan kaji siasat mengenai masalah yang hendak diselesaikan;

- d. mengkaji maklumat yang telah dikumpulkan dengan cara mengelas, membanding dan menganalisis untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi; dan
- e. membuat rumusan dalam bentuk generalisasi berdasarkan maklumat yang telah dikumpul dan dianalisis.

Oleh sebab inkuiri penemuan ini kaedah yang berpusatkan murid, guru perlu membimbing dan menggalakkan murid dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi. Dalam menjalankan aktiviti untuk mendapatkan rumusan, guru tidak memberi jawapan sebelum murid terlibat dalam proses **inkuiri penemuan**. Guru hendaklah sentiasa mengemukakan soalan yang merangsang murid ke arah menemui jawapan yang dicari. Guru perlu sabar dan memberi masa yang cukup kepada murid bagi menjalankan aktiviti pembelajaran yang berkaitan.

Walaupun kaedah inkuiri penemuan diberi penekanan, guru boleh menggunakan kaedah lain yang difikirkan sesuai bagi menyampaikan sesuatu maklumat atau idea kepada murid. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan kaedah lain, guru hendaklah sentiasa melibatkan murid secara aktif dalam proses pembelajaran. Kepelbagaian kecerdasan murid perlu diambilkira bagi memperkukuh dan

memperkaya pengalaman pembelajaran mereka.

vii. Komuniti Sebagai Sumber

Dalam pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah inkuiri penemuan, murid memainkan peranan penting dalam mencari maklumat untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau isu.

Bagi Mata Pelajaran Kajian Tempatan, komuniti setempat merupakan sumber utama untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat, murid boleh bergaul rapat dengan komuniti.

Daripada komuniti, murid dapat mengumpulkan berbagai-bagai bahan dan peralatan budaya yang mempunyai nilai-nilai pendidikan yang tertentu.

Murid juga boleh memerhati atau menyertai sendiri berbagai-bagai kegiatan yang dijalankan dalam komunitinya. Dengan ini, murid mendapat pengalaman pembelajaran yang berguna. Selain itu, anggota komuniti itu sendiri dapat digunakan sebagai sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat. Mereka ini boleh dikunjungi atau

dijemput untuk memberi ceramah. Guru perlu menyedarkan murid betapa besarnya potensi komuniti setempat sebagai sumber maklumat dalam proses pembelajaran. Untuk mendapatkan maklumat, murid perlu menguasai kemahiran memerhati, mengumpul serta mengkaji bahan dan menemu bual.

KURIKULUM KAJIAN TEMPATAN TAHUN 5

KANDUNGAN

Kandungan pelajaran Tahun 5 terangkum dalam ruang liput ketiga iaitu **Negara Kita**.

Ruang liput ketiga ini memberi pendedahan kepada murid tentang sejarah, keadaan sosial, ekonomi dan kejayaan negara. Ini akan menimbulkan kesedaran kepada murid tentang usaha pembinaan bangsa dan negara Malaysia. Pengalaman pembelajaran yang diperolehi melalui ruang liput tersebut dapat membentuk warganegara yang bersemangat patriotik dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Ruang liput bagi Tahun 5 ini terdiri daripada empat topik seperti yang berikut:

Topik 5 : Menenal Negara Kita

Topik 6 : Keindahan Negara Kita

Topik 7 : Sejarah Negara Kita

Topik 8 : Masyarakat Malaysia

OBJEKTIF KURIKULUM KAJIAN TEMPATAN TAHUN 5

Objektif Kajian Tempatan bagi Tahun 5 adalah untuk membolehkan murid:

1. mengetahui lokasi Malaysia di Asia Tenggara dan di dunia;
2. mengetahui dan mengenali negeri-negeri dalam Malaysia;
3. mengetahui identiti negara untuk menyemai dan memupuk semangat cintakan tanah air;
4. mengenal ciri-ciri fizikal istimewa yang terdapat di negara kita;
5. mengetahui dan menghargai bangunan dan binaan di negara kita;
6. mengetahui keindahan tempat peranginan dan rekreasi di negara kita;
7. menyedari dan menghargai keunikan dan keindahan negara kita;
8. memupuk semangat cinta akan negara dan seterusnya berusaha mengekalkan alam semula jadi di negara kita;
9. mengenali perkembangan sejarah negara ini dari zaman Kesultanan Melayu Melaka, sejarah awal Sabah dan Sarawak, zaman penjajahan hingga kemerdekaan dan seterusnya penubuhan Malaysia;
10. mengetahui dan menghargai jasa dan pengorbanan tokoh-tokoh negara;
11. mengenali dan menghargai warisan sejarah negara kita;
12. menanam sikap berusaha memelihara dan memulihara warisan sejarah di negara kita;
13. memupuk perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia dengan mengenal dan menghayati warisan sejarah kita;

14. mengenali masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan kepercayaan;
15. memahami taburan penduduk dan faktor-faktor yang mempengaruhinya;
16. menyedari keunikan masyarakat negara kita;
17. mengetahui dan menghargai kesenian negara kita seperti permainan tradisional, pakaian tradisional, makanan tradisional dan seni mempertahankan diri; dan
18. memupuk sikap hormat-menghormati dan semangat kerjasama antara satu sama lain ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang harmonis.

TOPIK 5 : MENGENAL NEGARA KITA

Melalui topik ini, murid dapat mengenali lokasi Malaysia di Asia Tenggara dan di dunia. Di samping itu, murid juga berpeluang mengenali negeri-negeri yang terdapat di Malaysia dan seterusnya mengetahui identiti negara. Dengan mempelajari topik ini, perasaan hormat, sayang dan bangga terhadap negara sendiri dapat dipupuk di kalangan murid.

TOPIK 5 : MENGENAL NEGARA KITA

- OBJEKTIF :**
1. Mengenal lokasi Malaysia di Asia Tenggara.
 2. Menyatakan lokasi Malaysia di dunia.
 3. Mengenal negeri-negeri dalam Malaysia.
 4. Mengetahui identiti negara untuk menyemai dan memupuk semangat cinta akan tanah air.

TOPIK/ SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>5. MENGENAL NEGARA KITA</p> <p>5.1 Lokasi</p> <p>a. Di Asia Tenggara</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Kedudukan Malaysia berpandukan arah mata angin ii. Kedudukan Malaysia dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melukis dan menamakan arah mata angin. 2. Menentukan arah kedudukan sesuatu objek atau tempat dengan menggunakan kompas. 3. Menandakan kedudukan Malaysia dalam peta Asia Tenggara. 	<p>Bersyukur dan berbangga dengan lokasi negara kita yang strategik.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menggunakan kompas untuk menentukan arah dan kedudukan sesuatu tempat atau objek mengikut mata angin. 2. Selain menggunakan kompas, bincangkan cara lain yang boleh dijadikan panduan bagi menentukan arah atau kedudukan sesuatu tempat.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK/ SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p>4. Menyenaraikan nama negara-negara yang berjiran dengan Malaysia.</p> <p>Aras 2</p> <p>1. Menerangkan lokasi Malaysia dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara mengikut arah mata angin.</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Menerangkan lokasi Malaysia dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara mengikut arah mata angin dengan berpandukan peta atau glob.</p>		<p>3. Menggunakan glob dan peta untuk mencari dan mencatat maklumat tentang lokasi Malaysia dengan negara-negara jiran mengikut arah mata angin.</p> <p>4. Dengan berpandukan peta atau glob, bincangkan signifikannya garisan khatulistiwa.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK/ SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>b. Di dunia</p> <p>i. Kedudukan Malaysia di Benua Asia dan di dunia</p>	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menamakan benua-benua yang terdapat di dunia. 2. Menandakan kedudukan Malaysia di peta dunia. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melabelkan nama benua-benua di dunia dan negara-negara di Asia Tenggara berdasarkan peta. 2. Membandingkan dan membezakan Benua Asia dengan benua-benua lain. <p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membaca peta dunia dan menghubungkannya dengan lokasi Malaysia. 	<p>Menyedari kepentingan negara sendiri dari segi kedudukan geografi.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Merujuk pelbagai sumber bagi mengumpul maklumat tentang faktor kedudukan Malaysia yang strategik. 2. Membincangkan andaian sekiranya Malaysia tidak mempunyai jiran. 3. Menandakan kedudukan Malaysia di peta dunia dan menyatakan lokasinya. 4. Anda dan dua orang rakan berada di tiga tempat berasingan iaitu di Australia, Amerika Utara dan Eropah. Bincangkan arah yang akan dituju untuk kembali ke Malaysia.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK/ SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>5.2 Negeri-negeri dalam Malaysia</p> <p>a. Nama negeri, ibu negeri dan bandar utama</p> <p>i. Negeri-negeri di Malaysia</p> <p>ii. Ibu-ibu negeri di Malaysia</p> <p>iii. Bandar utama daripada segi pentadbiran, perindustrian dan pelabuhan</p>	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyenaraikan negeri-negeri dalam Malaysia. 2. Menamakan ibu negeri dan bandar-bandar utama dalam setiap negeri. 3. Menyatakan lokasi ibu negeri dan bandar-bandar utama bagi setiap negeri. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan sebab-sebab bandar tertentu dipilih menjadi ibu negeri. 2. Menghuraikan ciri-ciri sesebuah ibu negeri diiktiraf sebagai bandar raya. 3. Menerangkan fungsi bandar utama. 	<p>Berbangga dengan kepesatan pembangunan bandar-bandar di negara kita.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melukis peta dan melabel negeri-negeri, ibu-ibu negeri dan bandar-bandar utama di Malaysia. 2. Membincangkan dan mengelaskan bandar-bandar utama daripada segi pentadbiran, perindustrian dan pelabuhan. 3. Membincangkan ciri-ciri utama yang menjadikan sebuah bandar sebagai ibu negeri. 4. Melayari laman web untuk mendapatkan maklumat tentang bandar raya -bandar raya di Malaysia serta membuat catatan penting. <p>http://www.perak.gov.my/</p> <p>http://www.selangor.gov.my/</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK/ SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>b. Lagu, bendera, jata dan lambang-lambang negeri</p> <p>i. Setiap negeri di Malaysia mempunyai lagu, bendera, jata dan lambang-lambang lain</p> <p>ii. Penggunaan simbol tumbuhan, haiwan, gunung, bulan, bintang, alat kebesaran dan mercu tanda pada lambang-lambang negeri</p>	<p>Aras 3</p> <p>1. Membandingkan dan membezakan beberapa buah negeri daripada segi lokasi.</p> <p>2. Melakar peta Malaysia dan menandakan negeri, ibu negeri dan bandar utama.</p> <p>Aras 1</p> <p>1. Menyenaraikan nama rasmi negeri-negeri di Malaysia.</p> <p>2. Mengenal pasti dengan memadankan lagu, bendera, jata dan lambang-lambang lain dengan negeri-negeri berkaitan.</p> <p>Aras 2</p> <p>1. Menghuraikan maksud warna dan lambang yang terdapat pada bendera negeri.</p>	<p>Berbangga dengan lagu, bendera, jata dan lambang negeri sendiri.</p> <p>Menghormati lagu, bendera, jata dan lambang-lambang negeri lain.</p>	<p>1. Merujuk pelbagai sumber yang berkaitan dengan lambang-lambang negeri dan membincangkan sebab lambang-lambang itu dipilih.</p> <p>2. Memadankan nama lagu negeri dengan negeri-negeri berkaitan.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK/ SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p>Aras 3</p> <p>1. Menjelaskan keistimewaan lambang-lambang pada jata negeri.</p>		<p>3. Memperdengar beberapa buah lagu rasmi negeri-negeri dan membincangkan maksud lirik lagu-lagu tersebut.</p> <p>4. Melukis dan mewarnakan bendera negeri-negeri serta menghuraikan maksud warna tersebut.</p> <p>5. Menyenaraikan lambang-lambang yang menggunakan imej haiwan, tumbuhan, gunung, bulan, bintang, alat kebesaran dan mercu tanda.</p> <p>6. Membandingkan dan membezakan bentuk dan maksud jata dua negeri yang dipilih.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK/ SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>c. Ketua Negeri dan Ketua Kerajaan Negeri</p> <p>i. Negeri beraja</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketua Negeri bergelar Sultan, Raja dan Yang Dipertuan Besar • Ketua Kerajaan bergelar Menteri Besar <p>ii. Negeri tidak beraja</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketua Negeri bergelar Yang Dipertua Negeri • Ketua Kerajaan bergelar Ketua Menteri 	<p>Aras 1</p> <p>1. Menamakan negeri-negeri beraja dan tidak beraja.</p> <p>Aras 2</p> <p>1. Mengkelaskan negeri-negeri yang mempunyai Menteri Besar dan Ketua Menteri.</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Membandingkan Ketua Negeri dan Ketua Kerajaan di negeri-negeri yang beraja dan negeri-negeri yang tidak beraja.</p>	<p>Menghormati dan mentaati Ketua Negeri dan Ketua Kerajaan Negeri.</p>	<p>1. Mengumpul gambar dan maklumat tentang Ketua Negeri dan Ketua Kerajaan Negeri.</p> <p>2. Berdasarkan peta negeri-negeri di Malaysia, lorekkan negeri beraja dan tidak beraja dengan warna yang berbeza.</p> <p>3. Melayari laman web bagi mendapatkan maklumat tentang negeri beraja dan tidak beraja.</p> <p>http://www.teenet.com.my/fakta.html</p> <p>http://www.penerangan.gov.my/agong.sultan2002.htm</p> <p>4. Memadankan dan melengkapkan carta yang menunjukkan Ketua Negeri dan Ketua Kerajaan.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK/ SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>5.3 Identiti Negara</p> <p>a. Lagu, bendera, jata, mercu dan lambang lain</p> <p>i. Lagu Kebangsaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lirik lagu • Cara menyanyi <p>ii. Jalur Gemilang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maksud jalur, warna dan lambang <p>iii. Jata</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maksud setiap lambang <p>iv. Lambang lain negeri seperti bunga raya, wau bulan dan keris</p>	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyebut lirik Lagu Kebangsaan dengan betul. 2. Menyanyikan lagu 'Negaraku' dengan betul. 3. Menyeneraikan lambang-lambang yang menjadi identiti negara. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghuraikan maksud jalur, warna dan lambang pada Jalur Gemilang. 2. Menjelaskan maksud lirik Lagu Kebangsaan. 3. Melukis dan mewarnakan bendera Malaysia, jata dan bunga kebangsaan dengan betul. 	<p>Menghormati dan menghayati Lagu Kebangsaan.</p> <p>Menghormati bendera dan jata negara.</p> <p>Berbangga dengan lambang-lambang dan mercu tanda negara.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membincangkan maksud lirik lagu 'Negaraku'. 2. Mengadakan pertandingan menyanyi lagu 'Negaraku' antara kumpulan. 3. Menghasilkan bendera Malaysia dan membincangkan maksud jalur, warna dan lambang yang terdapat padanya. 4. Mengarang puisi seperti sajak, pantun atau syair bertemakan Jalur Gemilang serta mempersembahkannya. 5. Melukis dan mewarna jata negara.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>v. Mercu tanda negara seperti Menara Kembar Petronas dan Tugu Kebangsaan</p> <p>b. Struktur pentadbiran negara</p> <p>i. Peringkat persekutuan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Duli Yang Mulia (D.Y.M) di- Pertuan Agong, Kabinet, Jabatan Perdana Menteri dan kementerian-kementerian lain • Jabatan-jabatan dan perbadanan awam 	<p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghuraikan lambang-lambang yang terdapat pada jata negara dan menyatakan maksudnya. 2. Memilih lima jenis mercu tanda dan memberi sebab mercu tanda tersebut dianggap sebagai identiti negara. <p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerangkan carta struktur pentadbiran peringkat Persekutuan. 2. Menerangkan struktur pentadbiran peringkat negeri di Semenanjung. 3. Menerangkan struktur pentadbiran di peringkat negeri Sabah. 	<p>Berbangga dengan corak pentadbiran negara yang sistematik.</p> <p>Menghargai struktur pentadbiran negara kita.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 6. Mengumpul gambar dan maklumat tentang lambang-lambang dan mercu tanda negara untuk dijadikan buku skrap. 1. Mencari maklumat daripada pelbagai sumber untuk membina carta struktur pentadbiran di peringkat persekutuan. 2. Mencari maklumat daripada pelbagai sumber tentang ketua-ketua negeri dan pentadbiran di peringkat negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan dan perbadanan awam di peringkat negeri dan daerah <p>ii. Peringkat Negeri</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semenanjung <ul style="list-style-type: none"> - Sultan, Raja, Yang Dipertua Negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri - Pejabat Daerah dan Tanah - Pejabat Penghulu - Ketua Kampung 	<p>4. Menerangkan struktur pentadbiran di peringkat negeri Sarawak.</p> <p>Aras 2</p> <p>1. Menjelaskan hierarki dalam struktur pentadbiran negara.</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Membezakan struktur pentadbiran peringkat negeri antara Sabah dan Sarawak.</p>	<p>Berbangga dengan corak pentadbiran negara.</p> <p>Menghargai struktur pentadbiran sesebuah negeri.</p> <p>Berbangga dengan corak pentadbiran negeri.</p>	<p>3. Sebagai seorang pemandu pelancong, anda diminta menceritakan struktur pentadbiran negeri-negeri di Malaysia.</p> <p>4. Bincangkan saluran yang betul untuk memohon pembinaan jambatan bagi kegunaan penduduk.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> ● Sabah <ul style="list-style-type: none"> - Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Yang Dipertua, Kabinet Negeri, Pejabat Setiausaha Negeri - Pejabat Daerah - Kampung ● Sarawak <ul style="list-style-type: none"> - Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Yang Dipertua Negeri, Majlis Tertinggi, Pejabat Setiausaha Negeri - Bahagian - Pejabat Daerah - Pejabat Daerah Kecil - Kampung 			

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>c. Ketua Negara dan Ketua Kerajaan Persekutuan</p> <p>i. Duli Yang Mulia (D.Y.M) Yang di-Pertuan Agong</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Perlantikan Yang di-Pertuan Agong ● Perlantikan secara bergilir-gilir <p>ii. Perdana Menteri</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Ketua parti yang memenangi pilihan raya ● Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan cara perlantikan Yang di-Pertuan Agong. 2. Menyenaraikan Yang di-Pertuan Agong mengikut tempoh perkhidmatan mereka. 3. Menyatakan cara perlantikan Perdana Menteri. 4. Menamakan Perdana Menteri mengikut tempoh perkhidmatan. 	<p>Menghormati dan setia kepada Raja sebagai Ketua Negara.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendapatkan gambar dan maklumat dari pelbagai sumber mengenai: <ol style="list-style-type: none"> 1.1 . Ketua Negeri yang pernah menjadi Yang di-Pertuan Agong. 1.2 . Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri. 2. Membuat carta masa menunjukkan tempoh perkhidmatan Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri. 3. Membincangkan cara perlantikan Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p>Aras 2</p> <p>1. Menghubungkan kemenangan ketua parti dalam pilihan raya dengan pemilihan Perdana Menteri .</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Menilai kebaikan sistem perantukan Yang di-Pertuan Agong secara bergilir.</p>	<p>Menghormati Perdana Menteri sebagai pemimpin kerajaan.</p>	<p>4. Membandingkan cara perantukan Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri.</p>

TOPIK 6 : KEINDAHAN NEGARA KITA

Topik ini membolehkan murid mengenali dan menghargai keindahan alam semula jadi, seni bina dan tempat rekreasi yang terdapat di negara kita. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat mengetahui keistimewaan ciri-ciri fizikal utama, keunikan bangunan dan binaan serta keindahan tempat peranginan dan rekreasi. Melalui topik ini, semangat cinta dan sayangkan negara dapat dipupuk di kalangan murid seterusnya berusaha untuk mengekalkan keindahan negara.

TOPIK 6 : KENDAHAN NEGARA KITA

- OBJEKTIF :**
1. Menjelaskan ciri-ciri fizikal istimewa yang terdapat di negara kita.
 2. Mengetahui dan menghargai bangunan dan binaan di negara kita.
 3. Mengetahui keindahan tempat peranginan dan rekreasi di negara kita.
 4. Memupuk semangat cinta akan negara dan seterusnya berusaha mengekalkan alam semula jadi yang terdapat di negara kita.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>6. KENDAHAN NEGARA KITA</p> <p>6.1 Ciri-ciri fizikal yang istimewa</p> <p>a. Bentuk muka bumi Malaysia</p> <p>i. Keistimewaan tanah tinggi, tanah pamah, pinggir laut, tasik, gua, sungai dan pulau</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keindahan • Ciri-ciri fizikal 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyenaraikan ciri-ciri fizikal utama di Malaysia. 2. Menyatakan keistimewaan yang terdapat di: <ol style="list-style-type: none"> 2.1 tanah tinggi; 2.2 tanah pamah; 2.3 gua; 2.4 pinggir laut; 2.5 pulau; 	<p>Berbangga dengan ciri-ciri fizikal istimewa di Malaysia.</p> <p>Mensyukuri nikmat Tuhan.</p> <p>Menghargai keindahan bentuk muka bumi.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menandakan dan melabelkan gambar rajah untuk menunjukkan ciri-ciri istimewa di : <ol style="list-style-type: none"> 1.1 tanah tinggi seperti lurah, puncak dan lereng; 1.2 pinggir laut seperti pantai, teluk dan tanjung; dan

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> • Kepentingan <p>ii. Flora dan fauna</p> <ul style="list-style-type: none"> • Malar hijau • Pelbagai spesis • Habitat 	<p>2.6 sungai; dan 2.7 tasik.</p> <p>3. Menyatakan dengan contoh maksud flora dan fauna.</p> <p>4. Menyatakan jenis iklim di Malaysia.</p> <p>5. Menyenaraikan pusat rekreasi dan pelancongan terkenal di Malaysia.</p> <p>Aras 2</p> <p>1. Menjelaskan keistimewaan flora dan fauna di pelbagai habitat.</p> <p>2. Menjelaskan keistimewaan iklim di Malaysia.</p>	<p>Menghargai keindahan bentuk muka bumi.</p> <p>Menyayangi tumbuhan dan hidupan lain yang terdapat di persekitaran kita.</p> <p>Menyedari kepentingan flora dan fauna.</p>	<p>1.3 sungai seperti air terjun, delta dan muara.</p> <p>2. Mengumpul gambar dan maklumat dari pelbagai sumber tentang keindahan dan keistimewaan bentuk muka bumi untuk dijadikan buku skrap.</p> <p>3. Menandakan dan menamakan ciri-ciri fizikal pada peta kosong:</p> <p>3.1. Tanah tinggi seperti Bukit Fraser dan Cameron Highlands.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>iii. Iklim</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Panas dan sekata lembap sepanjang tahun ● Julat suhu yang kecil 	<p>3. Menghuraikan pengaruh cuaca kepada penduduk di Malaysia.</p> <p>4. Menghubungkan antara ciri alam fizikal dengan keindahan negara.</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Membezakan flora dan fauna di pelbagai habitat.</p> <p>2. Menghuraikan kepentingan ciri-ciri fizikal utama di Malaysia.</p> <p>3. Menyatakan bagaimana ciri-ciri fizikal istimewa negara ini dapat memberi sumbangan kepada industri pelancongan.</p>	<p>Mensyukuri dapat menikmati iklim yang selesa sepanjang tahun.</p> <p>Menyedari dan berbangga dengan iklim negara kita.</p>	<p>3.2. Tanah pamah seperti Dataran Kedah-Perlis, Delta Kelantan dan Lembah Sungai Rejang.</p> <p>3.3. Gua seperti Gua Mulu, Batu Caves dan Gua Kelam.</p> <p>3.4. Pinggir laut seperti Pantai Teluk Cempedak, Pantai Cahaya Bulan dan Pantai Teluk Batik.</p> <p>3.5. Pulau seperti Pulau Pinang, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman.</p> <p>3.6. Sungai seperti Sungai Pahang, Sungai Perak, Sungai Rejang dan Sungai Kinabatangan.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TAJUK/ SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	<p>4. Meramalkan kesan kepada kehidupan sekiranya iklim di Malaysia berubah kepada musim sejuk bersalji.</p>		<p>4. Menyanyikan lagu bertemakan keindahan alam seperti 'Gunung Kinabalu', 'Tanjung Puteri' dan 'Sungai Sarawak'.</p> <p>5. Membina ayat-ayat puitis untuk menggambarkan keistimewaan dan keindahan ciri-ciri fizikal negara kita.</p> <p>6. Melengkapkan Sudut Kajian Tempatan dengan keratan akhbar, majalah dan hasil kerja murid mengenai keindahan ciri-ciri fizikal.</p> <p>7. Mengkaji serta memerhati jenis tumbuhan serta hidupan yang terdapat di kawasan berhampiran sekolah.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
			<p>8. Mengumpulkan daun-daun kering yang unik, indah dan istimewa untuk menghasilkan buku skrap.</p> <p>9. Menggunakan borang pengurusan grafik untuk flora dan fauna di pinggir pantai dan tanah tinggi.</p> <p>10. Membuat graf berdasarkan suhu harian yang telah direkodkan.</p> <p>11. Membincangkan ciri-ciri keistimewaan iklim khatulistiwa.</p> <p>12. Menghasilkan karya kreatif yang menggambarkan keindahan alam.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>6.2 Bangunan dan Binaan</p> <p>a. Keindahan dan keistimewaan seni bina</p> <p>i. Rumah ibadat</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Struktur dan ukiran serta pengaruh seni bina ● Bahan seperti kayu, kaca, marmar dan ubin <p>ii. Bangunan bersejarah</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Bahan ● Pengaruh binaan seperti Islam, Portugis, Belanda, Inggeris dan tempatan ● Ciri-ciri yang tersendiri 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyenaikan bangunan dan binaan yang indah serta lokasinya di negara kita. 2. Menyatakan keistimewaan seni bina yang terdapat pada bangunan dan binaan di Malaysia. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan pengaruh asing yang terdapat pada sesuatu binaan. 2. Menjelaskan keunikan yang terdapat pada rumah ibadat, bangunan bersejarah, mercu tanda dan istana serta menyatakan lokasinya. 	<p>Berbangga dengan keindahan dan keistimewaan seni bina yang terdapat di Malaysia.</p> <p>Bertanggungjawab mengekalkan keindahan seni bina sesebuah binaan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mencari dan mengumpul maklumat tentang keunikan bangunan dan binaan. 2. Mengadakan perbincangan tentang bentuk, bahan binaan dan ukiran yang mempengaruhi binaan tersebut berdasarkan gambar yang dipamerkan. 3. Mengkaji keindahan dan keistimewaan bangunan dan binaan yang terdapat di Malaysia dari segi bentuk binaan, ukiran dan pengaruh seni bina. 4. Membandingkan keunikan dan keistimewaan dua buah muzium di negara kita.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>iii. Mercu tanda</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Lokasi ● Teknologi ● Keunikan ● Pemandangan <p>iv. Istana</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Reka bentuk ● Ukiran bermotifkan tumbuhan dan haiwan ● Fungsi pelbagai ruang ● Keunikan buatan 	<p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan keunikan sebuah istana dari segi reka bentuk, ukiran, fungsi ruang dan keunikan buatan. 2. Membandingkan dan membezakan struktur dan pengaruh seni bina yang terdapat pada bangunan dan binaan bersejarah di Malaysia. 		<ol style="list-style-type: none"> 5. Melayari laman web untuk mendapat maklumat tentang keistimewaan dan keindahan yang pada bangunan dan mercu tanda. <ul style="list-style-type: none"> http://202.109.194.3/news/Memori/MercuTanda.htm http://.geocities.com/malaysian888/ipage07.html http://www.kliab.com.my/ 6. Berdasarkan maklumat daripada pelbagai sumber, bandingkan rumah-rumah ibadat yang mempunyai keistimewaan struktur ukiran, pengaruh, seni bina dan bahan yang digunakan. 7. Melukis sebuah binaan yang mempunyai reka bentuk yang unik dan menarik.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 5

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
			<p>8. Menyenaraikan mercu tanda dan menandakan lokasinya pada peta Malaysia.</p> <p>9. Mengumpulkan gambar dan maklumat daripada pelbagai sumber tentang keindahan dan keistimewaan pelbagai mercu tanda.</p> <p>10. Mengadakan pertandingan melukis poster tentang keindahan mercu tanda.</p>

TOPIK 7 : SEJARAH NEGARA KITA

Topik ini memperkenalkan sejarah negara kita yang bermula dengan Kesultanan Melayu Melaka, zaman penjajahan, kemerdekaan dan seterusnya penubuhan Malaysia. Di samping itu, topik ini juga menyingkap sejarah awal Sabah dan Sarawak sebelum Malaysia ditubuhkan.

Menerusi pengajaran dan pembelajaran topik ini, murid berpeluang mengetahui perkembangan sejarah negara sendiri semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga tertubuhnya Malaysia. Selain itu, topik ini juga mengemukakan tokoh-tokoh yang telah menyumbang ke arah kemerdekaan dan pembangunan negara supaya murid menghargai pengorbanan dan sumbangan mereka.

Topik ini diakhiri dengan pendedahan kepada warisan sejarah iaitu tempat, bangunan dan bahan bersejarah, kesenian dan adat resam yang terdapat di negara kita. Pemeliharaan dan pemuliharaan warisan sejarah juga diberi penekanan dalam topik ini.